

Headline **Atasi rekod 10 tahun**
Date **07. Jun 2008**
Media Title **Harian Metro**
Section **Setempat**
Circulation **336603**
Readership **2192000**

Language **MALAY**
Page No **47**
Article Size **232** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



Atasi rekod 10 tahun


>>Oleh Alias Abd Rani dan
Malik Muhamad

KECEDERAAN tumit kanan belum pulih sepenuhnya, tapi ia bukan penghalang kepada atlit lompat kijang Kedah, Ahmad Firdaus Salim untuk memperbaharui rekod kejohanan yang berusia 10 tahun.

Atlit kelahiran Alor Star itu melakukan lompatan sejauh 15.75m, memadamkan rekod milik atlit Sarawak, Chai Song Lip iaitu 15.56m yang dilakukan sewaktu Sukma 1998 di Selangor.

"Memang niat saya apabila hadir ke sini buat kali terakhir ialah mencipta rekod baru walaupun rekod saya sebelum ini lebih baik daripada hari ini (semalam)," katanya merujuk kepada catatan terbaik 15.86m yang dilakukan ketika Terbuka Kedah, bulan lalu.

"Keadaan kecederaan saya belum pulih sepenuhnya. Jadi, saya bangga dengan apa yang diperolehi.



FIRDAUS...beraksi hebat meskipun tumit cedera.

Kejayaan ini adalah yang terakhir kerana selepas ini saya tidak lagi beraksi di Sukma.

"Setidaknya-tidaknya ada juga rekod baru saya

lakukan untuk dijadikan sebagai kenangan terakhir saya," kata penuntut jurusan Pendidikan Jasmani di Universiti Putra Malaysia itu.

Menurutnya, ketidadaannya ketika Kedah menjadi tuan rumah temasya dwitahunan ini dua tahun lalu berikutan syarat tidak membenarkan atlit kebangsaan menyertainya, sedikitpun tidak mengugut reputasinya untuk mencipta keputusan terbaik.

"Saya optimis dengan apa yang dilakukan sehingga kini. Kalau boleh, saya mahu meningkatkan prestasi dari semasa ke semasa berdasarkan kemampuan yang ada," katanya.

Ahmad Firdaus melakukan lompatan terbaik itu pada pusingan ketiga untuk merangkul emas, jauh meninggalkan atlit Pulau Pinang, Aminikman Abdul Razak yang meraih perak dengan 14.67m, manakala gangsa milik Mohd Hakimi Ismail dari Perak dengan 14.62m.

Atlit tuan rumah, Ahamd Najwan Aqra Hasam sekadar menduduki tempat keempat.